

**IKLAN PERSONEL MySTEP**  
**INSTITUT PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN INKLUSIF MALAYSIA (MINDA-UKM)**  
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia (MINDA-UKM) ingin mempelawa semua Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi segera kekosongan bagi jawatan seperti berikut:

Jawatan	: Pegawai Tadbir N9 (Personal MySTEP)
Kelayakan	: Ijazah Sarjana Muda dan setaraf
Gaji	: RM2100 sebulan (termasuk caruman KWSP dan Perkeso)
Tempoh Lantikan	: APRIL hingga DISEMBER 2025
Tarikh Tutup	: 31 Mac 2025

**SYARAT:**

1. Warganegara Malaysia sahaja berumur 18 tahun ke atas.
2. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf (**Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai latar belakang bidang Ekonomi/Perniagaan/Dasar Awam**)
3. Berkemahiran menggunakan perisian Microsoft Office (Word, Powerpoint dan Excel)
4. Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib/bankrap/tiada rekod jenayah.

**DISKRIPSI TUGAS:**

1. Membantu dalam perancangan membangunkan program *Training of Trainers* (latihan kepada pengajar) di MINDA-UKM
2. Membantu dan merekod data serta mesyuarat berkaitan Kertas Projek/kertas Polisi dan Dasar/aktiviti penyelidikan di MINDA-UKM.
3. Membantu dalam pelaksanaan program kajian dan khidmat perundingan yang sistematik bersama pihak Industri.
4. Membantu menguruskan urusan Promosi dan Penjanaan Pendapatan MINDA-UKM.
5. Membantu mengendalikan urusan majlis/aktiviti simposium/forum/meja bulat/program di MINDA-UKM.
6. Membantu dalam penyediaan bahan serta menganalisis data bahan kandungan, penyediaan slide, persidangan serta perbincangan MINDA-UKM.
7. Menerima lain-lain arahan Pengarah/ Timbalan Pengarah/ Ketua Pentadbiran dari semasa ke semasa.

**CARA MEMOHON:**

Calon boleh membuat permohonan dengan mengemukakan dokumen salinan lembut (*softcopy*) yang telah disahkan ke alamat emel: [firdaus\\_shahir@ukm.edu.my](mailto:firdaus_shahir@ukm.edu.my)/[pghminda@ukm.edu.my](mailto:pghminda@ukm.edu.my) dengan tajuk emel – **PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI TADBIR N9 MYSTEP**. Berikut adalah dokumen yang perlu dilampirkan untuk permohonan jawatan:

1. Resume atau Curriculum Vitae (CV) yang lengkap;
2. Salinan Kad Pengenalan
3. Salinan Sijil SPM/STPM/Ijazah Sarjana Muda

Hanya calon yang layak akan dihubungi untuk ditemuduga. Permohonan dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak menerima sebarang pemakluman **selepas 1 bulan** daripada tarikh tutup permohonan.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Firdaus (03-8094 2003)